

14/01/1997

Kad pintar menjelang 2000

LOS ANGELES, Isnin - Kad pengenalan anda dijangka menjadi `kad pintar' (smart card) menjelang tahun 2000.

Ia adalah sebahagian daripada rancangan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) negara.

Kad pengenalan yang dimiliki oleh semua warga negara Malaysia berusia 12 tahun ke atas itu akan menjadi kad pelbagai fungsi iaitu tidak hanya sebagai kad pengenalan tetapi juga sebagai dompet elektronik, kad kredit, kad telefon dan juga sebagai kad keahlian kelab.

Kad pintar itu yang dijangka dikeluarkan secara komersil sebelum akhir dekad ini dan akhirnya kepada semua rakyat Malaysia, akan digunakan dalam semua transaksi elektronik dengan kerajaan.

Butiran lengkap mengenainya terkandung dalam buku kecil mengenai MSC yang dikeluarkan oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) yang disifatkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai `pusat setempat yang berkuasa penuh' ke arah memastikan kejayaan MSC dan syarikat-syarikatnya.

MDC adalah penyelaras lawatan kerja oleh Dr Mahathir ke California dan Jepun untuk memperkenalkan pembangunan MSC di kalangan eksekutif utama syarikat Amerika dan Jepun yang terlibat dalam perkhidmatan dan pengeluaran multimedia.

Kad pelbagai fungsi itu adalah satu daripada tujuh `penggunaan utama' yang dikenal pasti untuk dibangunkan menjelang tahun 2000 sebagai pemangkin kepada pembangunan MSC dan mempercepatkan kemajuan Malaysia ke arah kepimpinan dalam era maklumat, kata buku kecil itu.

Enam lagi ialah program pentadbiran kerajaan menggunakan sistem elektronik, sekolah bestari, teleperubatan, kelompok penyelidikan dan pembangunan, pusat pasaran tanpa had dan web pengeluaran sedunia.

Dalam perutusannya dalam buku kecil itu, Perdana Menteri menyifatkan MSC sebagai usaha berani untuk membangunkan tapak serantau untuk syarikat pembangunan atau menggunakan teknologi multimedia.

Beliau berkata MSC bertujuan mengubah urusan perniagaan dengan memaksimumkan potensi multimedia dan mengintergrasikan undang-undang siber dan infrastruktur maklumat dalam persekitaran fizikal yang menarik.

MDC dijangka boleh membentuk MSC sebagai pusat teknologi Asia, tempat pemaju dan pengguna multimedia boleh menggunakan kelebihan Malaysia dalam membangunkan keluaran untuk serantau dan pasaran global.

Dasar baru dan undang-undang siber akan dirangka bagi membolehkan dan menggalakkan perdagangan elektronik, memudahkan pembangunan penggunaan multimedia dan kedudukan Malaysia sebagai pemimpin serantau dalam perlindungan harta intelektual, kata buku kecil itu.

Syarikat-syarikat yang ingin untuk menyertai MSC boleh memohon kepada MDC untuk `Status MSC' yang membolehkan mereka menikmati pengecualian cukai sehingga 10 tahun atau menerima 100 peratus cukai elaun pelaburan dan insentif serta keuntungan lain yang disokong oleh Bil Jaminan Kerajaan Malaysia.

Bil Jaminan itu memperuntukkan bahawa kerajaan memberi kebenaran kepada syarikat-syarikat dengan Status MSC untuk menyediakan kemudahan maklumat dan fizikal bertaraf dunia, membenarkan pengambilan pekerja tempatan dan asing dan memastikan kebebasan pemilikan oleh syarikat yang dikecualikan daripada keperluan pemilikan tempatan. - Bernama

(END)

